

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Keseluruhan kaedah pengajaran BM murid-murid pekak telah memberi gambaran yang jelas betapa pentingnya kaedah pengajaran bahasa kepada murid-murid pekak bagi mendidik murid-murid pekak supaya dapat menguasai bahasa Melayu dengan sempurna. Tidak dinafikan semua murid sama ada normal atau tidak memerlukan kaedah pengajaran dalam mempelajari bahasa Melayu atau yang berkaitan dengan lain-lain bidang ilmu. Namun begitu ianya berbeza dengan murid-murid normal, untuk memperolehi bahasa murid-murid pekak memerlukan pembelajaran yang formal meskipun bermula dengan perkataan yang mudah. Tidak seperti murid-murid normal pemerolehan bahasa secara semulajadi. Pembelajaran bahasa Melayu murid-murid normal secara formal adalah untuk meningkatkan lagi ilmu kebahasaan dari pelbagai sudut dan bentuk. Sementara murid-murid pekak pembelajaran bahasanya adalah untuk memahami serta menguasai bahasa Melayu.

Murid-murid pekak memerlukan tempat yang khusus untuk mempelajari bahasa. Sekolah pendidikan khas cacat pendengaran merupakan institusi pembelajaran yang amat sesuai untuk mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan pendidikan dan komunikasi. Di samping tempat yang khusus, guru-guru terlatih dalam bidang pendidikan khas cacat pendengaran serta berhati ikhlas mendidik murid-murid pekak amat diperlukan dan menjadi faktor penyumbang utama murid-murid pekak mempelajari bahasa Melayu dalam bahasa isyarat.

Mengajar murid-murid pekak amat berbeza dengan mengajar murid-murid normal. Mengajar murid-murid normal misi yang utama ialah menghabiskan kandungan dalam sukatan pelajaran. Berbeza dengan murid-murid pekak, yang perlu diutamakan adalah mendidik serta memberi bimbingan sebaik mungkin kepada mereka. Ini disokong oleh K.A Razhiyah 2005 iaitu mendidik murid-murid pekak adalah untuk melihat kebolehan individu, baru melihat kandungan yang ingin diajar. Kandungan itu perlu diubahsuai supaya selaras dengan tahap murid-murid pekak. Guru yang memberi keutamaan pada kebolehan individu akan memberi manfaat, praktikal dan berfungsi untuk murid itu. Dalam mencapai objektif, sudah pasti ada murid yang mudah diajar dan ada yang lemah. Setiap murid mempunyai perasaan dan sentiasa mahu dihargai kebolehan mereka supaya mereka lebih yakin untuk belajar. Apabila mereka berjaya, guru-guru adalah orang yang paling bahagia kerana usaha tidak sia-sia.

Mendidik murid-murid pekak bukannya sesuatu yang mudah ianya memerlukan semangat yang kuat dalam melaksanakan pendidikan yang mencabar ini. Pengkhususan pengajaran, kemahiran mengajar secara kreatif serta berpengetahuan adalah faktor utama yang perlu dimiliki oleh setiap GSPKCP. Faktor ini perlu ada dalam diri GSPKCP supaya dapat membina sikap yang positif dan dapat memberi peluang pendidikan dan kualiti hidup yang sempurna pada murid-murid pekak ini.

Sifat positif guru perlu dikekalkan dalam diri seseorang GSPKCP, kerana murid-murid pekak adalah murid-murid yang sensitif sifatnya. Mereka sedar akan kelemahan dalam diri mereka. Oleh itu, peranan guru-guru untuk meniup dan membakar semangat, menghargai serta membantu mencari kekuatan dalam diri mereka supaya mereka dapat

mengatasi kekurangan yang dialami oleh mereka. Kebijaksanaan guru dalam menangani perasaan negatif dalam diri murid-murid dapat memotivasikan mereka untuk terus berusaha mencapai matlamat yang digariskan oleh GSPKCP. Sumbangan yang optimum dan mengamalkan budaya kerja berkualiti GSPKCP dapat menyahut wawasan 2020 dalam mewujudkan masyarakat penyayang. Ini hanya dapat direalisasikan sekiranya program pendidikan dipertingkatkan selaras dengan potensi dan bakat murid-murid cacat pendengaran.

Penggunaan kaedah pengajaran BMKT merupakan kaedah pengajaran yang paling utama digunakan dalam pengajaran bahasa. Kerana BMKT mempunyai asas-asas tatabahasa dari prinsip-prinsip BM yang didengar, dituturkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh pengguna Malaysia. Selain daripada BMKT, mereka menggunakan pertuturan diikuti pengejaan jari. Kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru ini adalah mengikut penerimaan murid untuk mencapai pemahaman pembelajaran murid daripada kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru. Seseorang murid pekak yang dapat menguasai BMKT ini akan dapat “bercakap” dalam BMKT dan menulis bahasa Melayu yang lazim digunakan. Bagi guru-guru yang mengajar kanak-kanak pekak, mereka bukan sahaja dikehendaki menguasai kod-kod dalam BMKT tetapi juga hendaklah menguasai nahu BM (Prof. Dr. Hajah Asmah Hj. Omar, 1978).

Bagi memperkemaskan serta memantapkan pengajaran GSPKCP menggunakan kaedah seperti latih tubi, penggunaan gambar, elektik, bantuan teknologi komunikasi, makmal bahasa dan pelbagai lagi kaedah yang digunakan seperti yang telah dihuraikan dalam bab 4. Mereka melatih murid-murid mereka sekerap mungkin bagi menguatkan

ingatan bahasa murid-murid pekak dan untuk mengelakkan murid-murid pekak cepat lupa terhadap sesuatu bahasa yang telah dipelajari.

Boleh dikatakan di antara GSPKCP ini mempunyai daya kreativiti yang hebat dalam mendidik murid-murid seperti ini. Kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru di samping pengorbanan jiwa dan raga guru-guru mendidik murid-murid ini amat memberi kesan yang memberangsangkan terhadap pembelajaran murid-murid pekak. GSPKCP berpendapat murid-murid pekak memerlukan khidmat guru-guru bagi menyempurnakan pembelajaran bahasa mereka. Kepada guru-guru tempat mereka memperolehi ilmu tentang bahasa.

Guru-guru ini juga mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pengajaran mereka. Mereka mempunyai semangat mengajar yang cukup kemas dan penuh konsisten dalam pengajaran mereka. Mereka banyak memperuntukan masa terhadap setiap aktiviti murid-murid pekak bagi memastikan pembelajaran bahasa murid-murid berlangsung sepanjang masa. Walaupun begitu GSPKCP berpendapat bahawa masih ada lagi murid pekak tidak dapat menghasilkan bahasa serta tidak dapat menggunakan bahasa isyarat dengan baik. Penyebab utama berlaku perkara sebegini adalah berpunca daripada latar belakang keluarga, pendidikan, ekonomi dan pelbagai sebab lain. Di samping tiada asas dalam menggunakan bahasa isyarat.

Disebabkan murid ini tidak dapat menguasai bahasa dengan baik, guru telah mengambil langkah proaktif iaitu dengan mengadakan kelas pemulihan mengikut kategori kemampuan murid, mempelbagaikan corak pengajaran dan memperbanyakkan penggunaan alat bantu mengajar (ABM). Mengikut Koh Boh Boon (1994) yang dipetik dari Ahmad

Damanhuri, 1992 untuk mengkaji penggunaan ABM bagi murid-murid pemulihan dalam mata pelajaran BM menunjukkan peningkatan markah ujian selepas sesi pengajaran bagi kumpulan yang menggunakan bahan bantu mengajar. Dengan itu, beliau berpendapat bahawa bahan bantu mengajar yang dirancang dengan teliti dapat memberi kesan signifikan ke atas pencapaian murid.

Langkah yang diambil oleh guru-guru ini adalah semata-mata untuk membantu murid-murid pekak dapat menggunakan bahasa dengan cekap. Ini berdasarkan pendapat guru yang menyatakan bahawa murid pekak boleh menguasai bahasa serta mampu mengikuti persekolahan di sekolah biasa.

Pelbagai usaha atau cara yang digunakan oleh guru-guru untuk meningkatkan mutu penguasaan BM murid-murid pekak. Di antaranya mereka sentiasa menggunakan cara pengajaran yang berbagai berdasarkan kaedah atau pendekatan yang bersesuaian.

Walaupun pelbagai usaha dan cara digunakan oleh guru, namun masalah kesukaran pengajaran tetap wujud. Di antara masalah guru ialah murid tidak faham apa yang disampaikan oleh guru. Ketidakhahaman murid ini adalah disebabkan oleh murid-murid yang tiada asas dalam penggunaan bahasa isyarat dan lewat mengikuti kelas khas cacat pendengaran (10 tahun). Apabila masalah ini timbul, mereka akan lemah dalam pembelajaran bahasa.

Faktor ini mungkin disebabkan oleh ibubapa meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru untuk mengajar anak-anak mereka. Bebanan ini terpaksa ditanggung oleh guru. Disebabkan masa yang terhad dan jumlah murid melebihi tenaga pengajar akan melemahkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid-murid pekak.

Begitu juga dengan kursus pengajaran BM (sepertimana dalam soal selidik). Terdapat beberapa orang guru yang tidak pernah berkursus tentang kaedah pengajaran BM untuk murid-murid pekak. Ini akan menyukarkan guru tersebut untuk mengajar dan membentuk pengajaran dan pembelajaran yang sempurna. Kebiasaannya adalah guru yang baru berkhidmat dalam pendidikan khas cacat pendengaran. Menyebabkan murid kurang berminat untuk belajar dan menjadi lemah dalam penguasaan bahasa.

Menurut K. A Razhiyah 2005 adalah penting guru-guru pendidikan khas berkursus kerana kursus itu dapat:

- a. memberi maklumat mengenali murid-murid pekak
- b. mendapat maklumat cara penilaian dan penapisan murid-murid pekak
- c. menyatakan hak-hak murid pendidikan khas
- d. memberi pengetahuan menyeluruh berkenaan aspek psikologi, sosial, jasmani, emosi, intelek dan rohani murid khas
- e. memberi pengalaman sebenar melalui aktiviti praktikum
- f. bekerjasama dengan multi disiplin yang terlibat dengan murid-murid pekak.
- g. Memberi kesedaran berkenaan kepentingan Intervensi Awal
- h. Memberi maklumat berkenaan keperluan Rancangan Pendidikan Individu

Kursus pendidikan khas penting untuk GSPKCP sekiranya ingin melibatkan diri dalam bidang ini. GSPKCP mendapat pendedahan dan ilmu pengetahuan yang membantu memberikan pendidikan yang terbaik untuk murid-murid pekak.

5.2 Perbincangan

Kaedah pengajaran untuk murid-murid pekak adalah persoalan utama yang mendapat perhatian daripada semua pihak. Pihak kementerian pendidikan, guru-guru, ibu bapa dan orang ramai perlu memberi perhatian yang serius terhadap penguasaan bahasa murid-murid pekak.

Dalam pengajaran oleh GSPKCP, kajian ini telah meninjau keberkesanan kaedah pengajaran bahasa kepada murid-murid pekak. Analisis daripada soal selidik keseluruhan menyatakan mereka berminat kepada murid-murid pekak. Sebagai pendidik minat perlu ada dalam diri seseorang pendidik. Dengan minatlah dapat melahirkan generasi yang cemerlang dalam penguasaan bahasa.

Berdasarkan soal selidik yang dibuat, hanya dua orang guru bersetuju bahawa murid-murid pekak dapat mengikuti pembelajaran kelas biasa seperti kanak-kanak normal. Tetapi jumlah ini amat sedikit. Sebenarnya daripada penyelidikan yang dibuat, tanggapan murid pekak yang diuji mengikut ujian saringan mampu menguasai bahasa walaupun tidak sebaik murid-murid normal lain. Ini menunjukkan bahawa jika ada waktu serta pengajaran yang lebih di samping menjalani rawatan terapi pertuturan bagi membantu murid dalam pertuturan (pendengaran sederhana). Nescaya murid pekak ini mampu belajar bersama-sama dengan murid-murid normal. Selain daripada rawatan terapi pertuturan, penggunaan rawatan implan koklea juga diperkenalkan oleh UKM. Bukti menunjukkan bahawa dengan penggunaan alat implan koklea (yang telah dibuat kajian pada tahun 2003) mendapati 80% kanak-kanak yang menggunakan alat implan koklea dapat menjalani pendidikan di sekolah normal. (Berita Harian Isnin 19 September 2005: 10).

Pencapaian ini amat bermakna bukan sahaja kanak-kanak terbabit tetapi juga ibu bapa dan masyarakat Malaysia. Pasukan implan koklea UKM bertekad untuk terus mengorak langkah mengekalkan kecemerlangan ini demi membantu memperbaiki kualiti kehidupan kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia.

Bahan pengajaran dan ABM adalah faktor peyumbang kepada keberkesanan pengajaran guru. Matlamat utama pengajaran guru adalah untuk menyampaikan objektif pengajaran yang telah dirancang serta kemahiran-kemahiran baru berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan. Pencapaian sesuatu objektif pengajaran adalah bergantung sepenuhnya kepada kaedah yang digunakan oleh guru. Menurut Khatijah (dalam Juriah Long dan Noor Ein, 1990) dalam proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi bukan hanya memerlukan kata-kata suara, isyarat sahaja, tetapi juga memerlukan alat-alat dan bahan agar pengajaran menjadi lebih berkesan dan sampai mesejnya apabila ada sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar. Bagi mengekalkan tumpuan murid di samping memudahkan pemahaman murid terhadap topik yang diajar, guru boleh memilih dan menggunakan ABM yang sesuai untuk membantu proses pengajaran.

GSPKCP bersetuju bahawa bahan yang dibina oleh guru ada kelebihan dalam mengajar bahasa kepada murid-murid pekak. Namun begitu, penggunaan bahan yang dibeli dan didapati dari teks juga turut memberi kebaikan kepada murid-murid pekak ini. Seperti yang disarankan oleh Atan Long (1982) iaitu tujuan penggunaan bahan bantu mengajar ialah untuk menjadikan proses pengajaran lebih bermakna, iaitu dengan penggunaan ABM yang sesuai, sesuatu konsep itu dapat dikaitkan dengan pengalaman murid melalui deria-deria mereka.

5.3 Cadangan Kajian

Keperhatian GSPKCP amat diperlukan bagi memastikan kemajuan dan prestasi murid-murid pekak yang berada dalam kelas. Oleh yang demikian, guru-guru dan ibu bapa perlu sama-sama berbincang untuk memajukan pembelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa perlu didedahkan dengan kaedah-kaedah pengajaran bahasa supaya boleh dimanfaatkan di rumah.

Jabatan Pendidikan Khas (JPK) mestilah memastikan supaya semua guru-guru yang mengajar pelajar bermasalah pendengaran mengikut kursus bahasa isyarat serta mahir dalam penggunaan bahasa isyarat. JPK seharusnya memastikan penempatan guru-guru yang mengajar mengikut kesesuaian bidang pengajaran supaya tidak timbul masalah dalam pengajaran bahasa. Di samping itu, JPK juga haruslah mewujudkan kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan pendidikan untuk pelajar bermasalah pendengaran.

Unit Pendidikan Khas (UPK) dari JPK hendaklah memastikan peralatan yang berkaitan dengan alat-alat untuk membantu pertuturan umpamanya peralatan dalam makmal bahasa sentiasa mengikut perkembangan semasa. Ini bertujuan supaya murid-murid pekak dapat memanfaatkan peralatan tersebut bagi membantu dalam pembelajaran bahasa mereka. Ini boleh membawa penyelesaian masalah penyeliaan bahan bantu mengajar. Negara dalam era teknologi moden, UPK mestilah menyediakan kelengkapan komputer yang terkini sebagai bahan bantu pengajaran di setiap sekolah pendidikan khas cacat pendengaran dan memastikan pelajar menerima pendidikan dengan sempurna melalui komputer.

5.4 Cadangan Kajian Lanjut

Oleh kerana kajian ini hanya menggunakan sampel guru di sekolah pendidikan khas ditiga buah sekolah sahaja, adalah dicadangkan supaya kajian yang sama juga dapat dijalankan di sekolah-sekolah lain di seluruh negeri. Dengan itu, maklumat yang menyeluruh tentang penguasaan bahasa murid-murid pekak dapat diperolehi dan dapat dibuat perbandingan tahap penguasaan bahasa di antara sekolah-sekolah cacat pendengaran yang lain. Di sini pihak kementerian khususnya JPK akan menganalisis punca dan sebab kejayaan atau kegagalan prestasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid pekak. Apabila punca dan sebab dapat dikenal pasti, dapatlah dibentuk langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan masalah ini.

Untuk menambahkan lagi hasil penyelidikan yang menyeluruh tentang penguasaan bahasa murid-murid pekak, pengkaji-pengkaji susulan boleh menggunakan pelbagai kaedah (metodologi) pengajaran bahasa bagi memperbanyakkan atau mempertingkatkan lagi hasil penyelidikan berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu murid-murid pekak. Di antaranya ialah:

a. Penggunaan karangan

Begitu juga dengan kaedah karangan. Berdasarkan karangan pengkaji dapat menganalisis bahasa murid-murid pekak secara mendalam. Pengkaji dapat melihat tentang penggunaan ayat yang merangkumi struktur bahasa, perbendaharaan kata, morfologi, tatabahasa dan ayat. Di sini pengkaji dapat menyimpulkan mengenai bahasa murid-murid pekak.

b. Strategi pengajaran guru

Pengkaji juga boleh memperolehi maklumat daripada strategi pengajaran guru. Pengkaji boleh melihat strategi apakah yang digunakan oleh GSPKCP semasa pengajaran berlangsung. Murid-murid yang 'unik' memerlukan strategi pengajaran yang 'unik' juga daripada guru-guru. Maklumat ini boleh dijadikan sumber rujukan yang penting serta berharga.

c. Peperiksaan

Keputusan peperiksaan juga turut berperanan untuk mendapatkan maklumat tentang bahasa murid-murid pekak. Pengkaji lain juga boleh menggunakan kaedah ini sebagai instrumen kajian. Pengkaji boleh mengumpul kesemua keputusan ujian dan peperiksaan termasuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Ini kerana maklumat-maklumat seperti ini banyak memberi maklumat kepada pengkaji.

Pengkaji-pengkaji lain juga dicadangkan menggunakan kaedah mengumpul maklumat mengenai kaedah pengajaran BM secara kualitatif dari pelbagai sumber. Umpamanya maklumat melalui maklum balas, temubual dengan pelajar-pelajar, begitu juga dengan temu bual antara kedua-dua ibu bapa atau keluarga mereka. Kaedah sedemikian dapat menambahkan maklumat yang diperolehi dan dapat menghasilkan dapatan yang mempunyai nilai kesahan yang lebih baik.

Kajian yang sama juga boleh dilakukan dengan mengambil kira tahap kecacatan pendengaran murid. Misalnya murid diasingkan mengikut tahap kecacatan pendengaran seperti sederhana, kurang dan teruk. Begitu juga, dengan GSPKCP yang mengajar murid-murid pekak hendaklah mengikut bidang pengkhususan pengajaran supaya pengajaran

dapat berjalan dengan lancar. Pengkaji lain juga, perlu menumpukan kepada guru yang betul-betul khusus dalam bidang cacat pendengaran.

5.5 Cadangan Dan Langkah-Langkah Mengatasi Masalah

Pengkaji berpendapat pihak JPK seharusnya mengambil berat tentang penempatan guru-guru ke sekolah-sekolah mengikut bidang pengkhususan. Ketepatan menempatkan guru mengikut pengkhususan akan memudahkan pengajaran guru-guru. Pihak JPK juga perlu menyediakan kursus bagi memperkasakan lagi pengajaran GSPKCP. Di samping menambahkan lagi jumlah guru dalam bidang pengajaran cacat pendengaran.

Penguasaan bahasa murid-murid pekak perlu diberi perhatian yang ‘serius’ oleh semua GSPKCP. Pada dasarnya murid-murid pekak memerlukan perhatian yang khusus daripada guru-guru khas. Perkara ini timbul kerana sebahagian daripada murid-murid ini sukar memahami bahasa terutamanya perkataan abstrak serta menghubungkan perkataan dalam bentuk isyarat. Murid-murid pekak ini pada kebiasaannya akan mengasingkan diri dan ada tanda-tanda menunjukkan perasaan kurang yakin dan rendah diri terhadap kebolehan diri sendiri.

5.5.1 Cadangan Mengatasi Masalah

Beberapa cadangan untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa murid-murid pekak iaitu dengan mengesan dan mengenalpasti sejauh mana penguasaan bahasa murid-murid pekak. Cadangan untuk mengatasi masalah ini telah disokong oleh Abdullah Yusof dan Che Rabiaah bt. Ahmad, 2004 antaranya ialah:

- a. Pendedahan awal kepada BM (lisan, pemahaman, tulisan). Hal ini dapat dilakukan di sekolah dan di rumah, setiap individu patut memainkan peranan dengan berkesan. Peranan ‘rumah’ penting sebelum kanak-kanak pekak bersekolah dan peranan ‘sekolah’ semasa mereka sekolah.

- b. Mendapat perkhidmatan bercorak perubatan dan kesihatan supaya pendengaran dapat dipulihkan. Hal ini dapat dilakukan dengan membawa anak yang dikesan menghadapi masalah pendengaran berjumpa dengan pakar segera.
- c. Mendapatkan latihan berbahasa secara sistematik dan berterusan daripada profesional yang berkaitan, iaitu audiologis bagi menguji darjah kecacatan pendengaran dan juru pulih pertuturan bagi mendapat latihan pertuturan yang betul, sistematik dan berkesan.
- d. Sikap ibu bapa dan murid pekak terhadap BM hendaklah positif iaitu dengan memahami hakikat bahawa penguasaan BM adalah penting bagi kejayaan mereka. Dengan memahami kepentingan ini, latihan bacaan dan pemahaman dan kemahiran menulis hendaklah diberikan bagi tujuan pendidikan
- e. Pendekatan pendengaran BM yang sesuai dengan kepelbagaian ciri murid pekak. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran BM yang sesuai hendaklah dikenal pasti supaya pengajaran BM kepada murid pekak dapat dilakukan secara berkesan kerana pendekatan yang diamalkan kurang berkesan (Goh & Teh, 1993)
- f. Menggunakan pedagogi BM yang sesuai dengan murid pekak ‘seperti’ kaedah mengalami dan menghayati ‘BM’, ‘kaedah bottom-up’, ‘metalinguistik’, ‘kaedah proses’ dan ‘kaedah analisis’ dan ‘kontrastif’ guru juga harus bersikap terhadap kebolehan murid pekak. sikap yang menganggap murid pekak tidak dapat atau sukar diajar hendaklah diubah kerana akhir-akhir ini sudah ada yang berjaya walaupun bilangan mereka sedikit. (Abdullah Yusof dan Che Rabiaah bt. Ahmad, 2004: 669).
- g. Menambahkan GSPKCP yang terlatih dalam bidang pendidikan khas cacat pendengaran dari universiti aataupun maktab perguruan.
- h. GSPKCP seharusnya mengambil langkah proaktif bagi membantu mengatasi masalah ini.
- i. Mengenalpasti sebab dan puncanya akan membantu murid-murid menguasai bahasa.

5.5.2 Langkah-Langkah Mengatasi Masalah

Melaksanakan langkah-langkah mengatasi dapat membantu murid-murid pekak menguasai bahasa dengan baik. Menurut pendapat Mahani bt. Abdul Kadir 1998, guru-guru pendidikan khas perlu mengamalkan langkah-langkah untuk memudahkan pengajaran. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

5.5.2.1 Ujian Saringan (Langkah Satu)

Mengadakan ujian saringan di peringkat permulaan sekolah merupakan tindakan yang sebaiknya perlu dilaksanakan. Umpamanya murid-murid yang baru memasuki alam persekolahan di tahun satu perlu menduduki ujian saringan. Langkah ini akan memudahkan guru untuk menentukan tahap pemerolehan bahasa murid-murid pekak. Memandangkan murid-murid pekak mempunyai darjah pendengaran yang berbeza-beza, latar belakang keluarga, taraf pendidikan, sosio ekonomi dan sebagainya. Faktor-faktor ini akan menentukan tahap penguasaan bahasa mereka. Oleh itu, guru dapat mengasingkan murid mengikut kebolehan mereka.

5.5.2.2 Merancang Penggunaan Ujian Saringan (Langkah Dua)

Guru perlu merancang dalam pembinaan dan penggunaan ujian saringan penguasaan bahasa supaya ujian itu akan menepati keperluan guru. Antara langkah-langkah yang perlu dipertimbangkan oleh guru ialah ujian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengesan secara objektif dan sistematik jenis-jenis kesukaran yang dialami oleh murid dalam penguasaan bahasa. Usaha ini adalah untuk mengasingkan mereka yang memerlukan pemulihan tertentu. Maklumat yang diperolehi ini dapat membantu guru, pihak sekolah dan ibu bapa supaya ketiga-tiga pihak boleh berusaha untuk mengatasi kelemahan dalam berbahasa dan meningkatkan mutu penguasaan bahasa.

5.5.2.3 Pemilihan Ujian Saringan (Langkah Tiga)

Ujian yang dijalankan oleh guru hendaklah memberi pertimbangan kepada bidang yang hendak diuji. Tujuannya adalah supaya maklum balas itu dapat digunakan oleh guru untuk merancang strategi pengajaran. Pemilihan ujian saringan hendaklah dijalankan dari

peringkat permulaan lagi supaya guru dapat mengatasi kelemahan murid diperingkat awal lagi. Seterusnya merancang skop yang hendak diajar.

5.5.2.4 Kaedah Dan Teknik Ujian (Langkah Empat)

Guru juga perlu menimbangkan isi kandungan ujian itu dari segi topik-topik dan kemahiran yang hendak disusun dan dibina untuk tujuan mengesan keupayaan dan kesukaran murid. Berhubung dengan perkara ini, guru hendaklah memikirkan kaedah dan teknik untuk menguji kemahiran tersebut.

5.5.2.5 Merekodkan Bahan Ujian Secara Sistemik (Langkah Lima)

Bahan-bahan ujian yang telah dibuat perlu direkodkan secara sistemik oleh guru. Butiran yang direkodkan oleh guru perlu dianalisis supaya guru mendapat maklumat yang lengkap tentang aspek kelemahan penguasaan bahasa murid. Dengan itu guru dapat merancang strategi pengajaran pemulihan. Rekod-rekod ini perlu disimpan supaya maklumat yang ada dapat digunakan seterusnya oleh guru-guru yang mengambilalih tugas tersebut.

5.5.2.6 Keprihatinan Guru (Langkah Enam)

Sebagai seorang guru, seharusnya peka tentang kemajuan dan prestasi murid-murid peka yang berada dalam kelas. Oleh itu, sebelum guru mengajar aspek-aspek dalam penguasaan bahasa, perlu diperhatikan tentang kesediaan murid-murid menggunakan bahasa isyarat. Perkara ini penting diberi perhatian kerana menurut Khadijah Rohani Md. Yunus (1989: 203, dalam Rohani bt. Abdul Kadir 1998) peringkat enam tahun pertama merupakan peringkat umur yang paling genting dalam menentukan pola dan struktur bahasa seseorang itu. Menurutnya lagi tahap keupayaan dan penggunaan bahasa seseorang anak itu

bergantung kepada minat, corak komunikasi dan jenis inferansi yang didapati oleh anak-anak ini di rumah atau didedahkan kepada pendidikan formal.

5.5.2.7 Kesesuaian Bahan Pengajaran (Langkah Tujuh)

Setiap murid mempunyai kebolehan pembelajaran yang berbeza. Oleh yang demikian guru perlu mempertimbangkan bahan pengajaran mengikut kesesuaian dari segi umur, kebolehan dan latar belakang murid. Guru jangan sekali-kali menggunakan bahan-bahan yang sama bagi setiap murid yang berada dalam kelasnya.

5.5.2.8 Penggunaan Alat Bantu Mengajar (Langkah lapan)

Alat Bantu Mengajar (ABM) adalah sangat penting untuk membantu murid-murid menguasai bahasa. Bahan-bahan itu sebaik-baiknya dibuat oleh guru sendiri kerana bahan yang disediakan oleh guru lebih menepati kehendak dan keperluan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Berikut ini dicadangkan bahan-bahan yang boleh dibina sendiri oleh guru iaitu:

- a. Kad-kad abjad
- b. Kad-kad suku kata
- c. Kad-kad perkataan
- d. Kad-kad bergambar
- e. Kad-kad lembaran kerja
- f. Kad-kad pengukuhan dan penghayatan bersiri

5.5.2.9 Kerjasama Guru Dan Ibu Bapa (Langkah Sembilan)

Ibu bapa murid-murid pekak ini perlu diajak bersama-sama memajukan pembelajaran anak-anak mereka. Mereka juga perlu didedahkan dengan kaedah-kaedah pengajaran bahasa isyarat supaya boleh dimanfaatkan di rumah.

5.5.2.10 Motivasi Pelajar (Langkah Sepuluh)

Murid-murid harus diberitahu selalu tentang kemajuannya. Kemajuan murid perlu ditunjukkan dalam bentuk pengukuhan atau pujian. Cara ini akan menggalakkan murid-murid ini berusaha dengan lebih giat dan yakin pada kebolehan diri sendiri. Ibu bapa perlu diberitahu selalu dan diajak berbincang tentang perkembangan bahasa anak-anak mereka.

5.6 Penutup

Pengajaran Bahasa Melayu adalah proses pengajaran yang memerlukan daya kecekapan seseorang guru menggunakan kesemua kaedah pengajaran. Guru-guru seharusnya mahir dan cekap dalam menguasai bahasa isyarat. Kecekapan guru akan mempengaruhi minat murid untuk belajar dengan penuh keyakinan tanpa adanya rasa rendah diri. Guru-guru ini juga berperanan untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran dengan pedagogi yang berkesan supaya murid pekak mampu menguasai bahasa (Abdullah Yusof dan Che Rabiaah bt. Ahmad, 2004: 669).

Proses pengajaran hendaklah dibina dengan kukuh supaya penguasaan bahasa dapat diasaskan dengan sebaik-baiknya. Setelah asas kukuh, barulah seseorang itu dapat menguasai bahasa dengan baik dan cepat. Kebolehan murid pekak menguasai bahasa ialah satu kelebihan dalam pendidikan. Penguasaan BM yang baik membantu mereka memahami teks yang dibaca dan menulis dalam bentuk yang difahami oleh pembaca. Oleh itu, murid pekak harus berusaha menguasai kemahiran ini. Anggapan murid pekak tidak dapat menguasai BM ialah pegangan yang lemah kerana laporan-laporan terkini yang berkaitan dengan pencapaian murid pekak memperlihatkan bilangan mereka yang berjaya dalam BM telah bertambah. Ini dapat dilihat pada keputusan peperiksaan BM UPSR bagi

tahun 2000 yang mana tahun 2000 gred A tidak diperolehi seorang pun oleh murid pekak. Namun ianya menunjukkan perkembangan yang baik pada tahun 2001 iaitu 7 orang mendapat keputusan gred A dalam BM Kefahaman dan BM penulisan (Abdullah Yusof dan Che Rabiaah bt. Ahmad, 2004: 669). Oleh itu, kerjasama ibu bapa dan keluarga sangat penting agar proses pemerolehan bahasa berjalan secara semulajadi. Mereka yang terlibat dalam bidang perubatan dan kesihatan pula bertanggungjawab mendiagnosis kepekakan, memberi nasihat kepakaran dalam penyediaan alat bantu pendengaran dan latihan-latihan awal yang berkaitan dengan bahasa.

GSPKCP mestilah menggunakan pelbagai kaedah dan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dan tahu pula menggunakan strategi agar menimbulkan minat dan dapat mengekalkan perasaan untuk terus belajar bahasa. Penguasaan bahasa boleh disemai melalui satu kaedah yang paling baik, namun ukuran kaedah yang mana satu paling baik tidak dapat ditentukan. Seseorang guru mestilah tahu bahawa dalam aspek belajar bahasa, murid-murid mestilah memiliki kemahiran kaedah bahasa isyarat supaya penguasaan bahasa dapat dimiliki.

Pengajaran bahasa tidak seharusnya terikat dengan mana-mana satu kaedah atau pendekatan sahaja. Guru boleh memilih mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai bagi sesuatu masa yang ditentukan kesesuaian dan keberkesanan dengan latar belakang dan kebolehan murid. Kaedah yang dipilih itu pula seharusnya sejajar dengan tujuan pengajaran bahasa yang hendak dibina. Walau apa pun kaedah, pendekatan dan teknik yang digunakan, matlamat akhir pengajaran bahasa ialah supaya murid-murid dapat menguasai bahasa dengan sempurna.